

IPMB harap masyarakat sokong

UB 24.04.2012 A2

PUTATAN: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang dua lagi program pelepasan benih hidupan akuatik di daerah ini untuk tahun ini.

Pengarahnya, Prof Dr Saleem Mustafa berkata pihaknya akan bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi merancang strategi yang akan menghasilkan stok secara berterusan.

“Pemilihan stok harus diadakan secara terperinci berdasarkan beberapa faktor seperti sifat biologi, habitat semulajadi, faktor ekonomi dan sokongan masyarakat setempat.

“Kerana itu, kami berharap masyarakat memberisokongan dan kerjasama kepada kami dengan memberi cadangan dan maklumbalas kepada usaha pertama pada hari ini,” katanya.

Saleem berkata, IPMB akan mengadakan sesi perbincangan dari masa ke semasa dengan pihak terlibat untuk mengenalpasti spesies dan kawasan lain untuk fasa seterusnya.

Tambahnya, terdapat orang ramai yang memohon benih ikan tertentu turut dilepaskan dalam program seperti itu.

Beliau berkata demikian di pelancaran Fasa 1 - Rancing Udang Galah di Sungai Petagas, di sini, kelmarin.

Usaha itu adalah di bawah projek Penambahbaikan Stok Perikanan di Sabah untuk Masyarakat Setempat.

Katanya, penambahbaikan dan pelepasan stok adalah subjek baharu sains yang mudah menarik minat kerana memiliki beberapa kelebihan.

Menurutnya, bidang terbabit menggabungkan teknologi akuakultur untuk penghasilan


benih dan pengurusan polisi perikanan agar benih dapat membesar sehingga saiz tuaian yang diperlukan dalam ekosistem semula jadi.

“Bagaimanapun, persekitaran untuk pertumbuhan amat penting. Spesies yang dilepaskan akan hidup sekiranya menemui habitat yang sesuai,” katanya.

Menurutnya, Putatan tidak boleh mengabaikan kualiti alam sekitar, sungai dan laut kerana telah membangun dan menjadi tumpuan.

“Kami berharap berharap penduduk berubah dan mewujudkan alam yang sesuai untuk menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti dan perikanan ini.

“Dengan adanya habitat yang sihat dan biodiversiti yang kaya, tangkapan ikan juga akan bertambah baik,” katanya.



SALEEM (depan, tengah) melepaskan benih udang galah ke Sungai Petagas sempena fasa pertama Rancing Udang Galah di Sungai Petagas kelmarin.